



SULTAN AHMAD SHAH menyaksikan **Hilmey Mohd. Taib** (kanan) menyampaikan dana sumbangan tabung **MyGift** kepada **Tengku Abdullah** dalam **Majlis Pelancaran Mygift UMP** sambil diperhatikan **Adnan Yaakob, Idris Jusoh** dan **Daing Nasir Ibrahim** di **Kuala Lumpur**, kelmarin.

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 3 OKT 2016 m/s 10

Sultan Pahang lancar MyGift UMP

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah melancarkan program inisiatif saluran sumbangan **Universiti Malaysia Pahang (UMP), MyGift UMP** di sebuah hotel di sini malam tadi.

Program **MyGift** diperkenalkan UMP sebagai inisiatif saluran sumbangan bagi tujuan tajaan pelajaran dan penyediaan kemudahan prasarana untuk meningkatkan mutu pembelajaran sedia ada.

Kewujudannya merupakan satu kemudahan kepada warga kampus dan alumni UMP serta pihak luar terutama industri dan syarikat untuk menyumbang kepada tabung endowmen universiti berkenaan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sejak dimulakan tahun

lalu, sebanyak RM13 juta telah dikumpulkan hasil sumbangan 21 penyumbang membabitkan pihak jabatan, korporat dan industri.

Katanya, inisiatif **MyGift** merupakan respons strategik UMP terhadap seruan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menoreka prospek endowmen dan wakaf pendidikan tinggi secara lebih intensif dengan kerjasama agensi awam, organisasi korporat dan Majlis Agama Islam di negeri-negeri.

"Sumbangan sebegini akan 'mengembalikan wang' ke dalam bentuk biasiswa dan bantuan kepada pelajar dan membantu untuk menjayakan kegiatan yang dijalankan oleh pihak universiti.

"Alhamdulillah dana terkumpul kini telah berupaya

dimanfaatkan untuk **Endowment Biasiswa Pelajar** bernilai RM400,000 kepada 11 penerima buat julung kalinya dan juga pemberian Insentif Pendidikan sebanyak RM1,000 kepada mahasiswa UMP yang kurang berkemampuan," katanya dalam ucapan aluan dalam majlis pelancaran itu.

Yang turut berangkat Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom; Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Turut hadir dalam majlis itu Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Hilmey Mohd. Taib.